



PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 9 TAHUN 2024

PANDUAN PENGURUSAN KAWASAN YANG MEMPUNYAI NILAI PEMELIHARAAN TINGGI (HCV) DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) DI SEMENANJUNG MALAYSIA

1.0 LATAR BELAKANG

Pengurusan Kawasan Yang Mempunyai Nilai Pemeliharaan Tinggi (HCV) merupakan satu keperluan pensijilan pengurusan hutan di bawah Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pensijilan Pengurusan Hutan Mampan di Semenanjung Malaysia [*Malaysian Criteria & Indicators for Sustainable Forest Management (MC&I SFM)*].

Merujuk kepada Prinsip 9 (MC&I SFM) pelaksanaan aktiviti-aktiviti pengurusan di kawasan yang mempunyai nilai pemeliharaan tinggi bagi setiap Unit Pengurusan Hutan (FMU) perlu mengekalkan atau meningkatkan sifat-sifat yang mentakrifkan kawasan tersebut. Keputusan-keputusan mengenai kawasan yang mempunyai nilai pemeliharaan tinggi tersebut hendaklah sentiasa dipertimbangkan dalam konteks pendekatan secara berwaspada (*precautionary approach*).

Istilah *High Conservation Value Forest (HCVF)* telah digunakan di dalam Prinsip 9 MC&I SFM bagi maksud kawasan yang mempunyai nilai pemeliharaan tinggi manakala *The Malaysian National Interpretation for the Management and Monitoring of HCVs (published January 2022)* [Panduan HCV 2022] dan *Malaysian National Interpretation for the Identification of HCVs (published August 2018)* [Panduan HCV 2018] menggunakan istilah *High Conservation Value (HCV)* bagi maksud kawasan yang mempunyai nilai pemeliharaan tinggi.

Oleh itu, satu panduan yang kemas, teratur dan seragam perlu disediakan bagi membantu Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) melaksanakan aktiviti penubuhan, penyelenggaraan, pemantauan dan pembatalan bagi sesuatu kawasan yang mempunyai nilai pemeliharaan tinggi tersebut dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK). Panduan ini juga adalah selaras dengan keperluan terkini Panduan *Malaysian National Interpretation for the Identification of HCV by Malaysia Toolkit Steering Committee*, 2018.

2.0 SKOP

Panduan ini menggariskan kaedah untuk penubuhan, penyelenggaraan, pemantauan dan cadangan pembatalan bagi sesuatu kawasan yang mempunyai nilai pemeliharaan tinggi HCV dalam HSK di Semenanjung Malaysia. Panduan ini akan digunakan oleh JPN bagi tujuan pengurusan kawasan HCV sedia ada atau cadangan penubuhan baharu.

3.0 OBJEKTIF

Objektif panduan ini adalah:

- a. Untuk menyeragamkan kaedah penubuhan, penyelenggaraan, pemantauan dan cadangan pembatalan kawasan HCV dalam HSK di Semenanjung Malaysia; dan
- b. Untuk memenuhi keperluan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan di Semenanjung Malaysia.

4.0 PENGURUSAN KAWASAN HCV

Penetapan kriteria kawasan HCV adalah berdasarkan kepada panduan *HCV Malaysia Toolkit Steering Committee*, 2018 dan diadaptasikan mengikut keperluan dan kesesuaian pengurusan hutan secara berkekalan di Semenanjung Malaysia.

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah mengenalpasti kategori kawasan HCV bagi maksud panduan ini adalah seperti berikut:

KATEGORI HCV	PENERANGAN
1	Kawasan HSK yang mengandungi tahap nilai kepelbagaian biologi yang signifikan pada peringkat global, serantau dan nasional [Contoh: spesies terancam yang tersenarai dalam <i>International Union For Conservation of Nature's (IUCN) Redlist</i> dan spesies endemik].
2	Kawasan landskap yang besar, pecahan ekosistem dan landskap hutan yang signifikan pada peringkat global, serantau dan nasional yang mempunyai kandungan populasi yang tinggi majoriti spesies yang wujud secara semula jadi (Contoh: kawasan hutan berlumut dan hutan rawa).
3	Kawasan HSK yang berada di dalam atau mengandungi ekosistem yang Sangat Terancam, Terancam dan Jarang ditemui (Contoh: jenut dan suaka hidupan liar).
4	Kawasan HSK yang menyediakan fungsi dan perkhidmatan ekosistem dalam keadaan kritikal
5	Kawasan HSK yang penting dalam membekalkan keperluan asas komuniti tempatan (Contoh: sumber makanan dan air).
6	Kawasan HSK yang bersifat kritikal kepada identiti budaya tradisi komuniti tempatan yang mempunyai kepentingan budaya, ekologi, ekonomi atau keagamaan yang dikenalpasti dengan kerjasama komuniti tempatan (Contoh: tanah perkuburan atau tempat suci dan kawasan pra sejarah).

4.1 Penubuhan Kawasan HCV

Penubuhan kawasan HCV adalah berdasarkan proses berikut:

4.1.1 Pengenalpastian kawasan

Cadangan kawasan HCV boleh dikenal pasti berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada sumber berikut:

- a. Inventori Hutan Nasional (IHN);
- b. Inventori hutan sebelum/ selepas tebangan;
- c. Ekspedisi saintifik;
- d. Bancian dan soal selidik yang dijalankan kepada masyarakat berhampiran/ tempatan/ agensi yang diiktiraf;
- e. Pengalaman kakitangan dan *stakeholder* lain;
- f. Nasihat daripada pakar dari pelbagai organisasi/agensi; dan
- g. Laporan-laporan bercetak dan sebagainya.

4.1.2 Pemeriksaan dan Laporan Kesesuaian Cadangan Kawasan HCV

Pegawai Hutan Daerah perlu menjalankan pemeriksaan kawasan bagi memastikan kawasan tersebut memenuhi kategori penentuan kawasan HCV seperti di para 4.0. Format laporan kesesuaian cadangan kawasan adalah seperti di **Lampiran I**.

4.1.3 Perundingan Dengan Pihak Berkepentingan

Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) perlu menjalankan proses perundingan dengan pihak yang berkepentingan dan pakar-pakar yang berkaitan tetapi tidak terhad seperti di **Lampiran II** bagi mendapatkan maklum balas dan input yang berkaitan. Perundingan ini perlu dilaksanakan bagi tujuan berikut:

- a. Penubuhan kawasan HCV; dan
- b. Mengekal atau meningkatkan sifat-sifat kawasan HCV yang dikenal pasti.

4.1.4 Keputusan Penubuhan Kawasan HCV

PPN hendaklah meneliti laporan dan maklum balas serta input daripada aktiviti perundingan dengan pihak berkepentingan dan seterusnya membuat keputusan bagi penubuhan kawasan HCV.

4.1.5 Pelaksanaan Penubuhan Kawasan HCV

4.1.5.1 Preskripsi Kawasan HCV

Penubuhan suatu kawasan HCV adalah mengambil kira preskripsi mengikut kriteria yang telah ditetapkan seperti berikut:

KATEGORI HCV	PENERANGAN	PRESKRIPSI
1	Kawasan HSK yang mengandungi tahap nilai kepelbagaian biologi yang signifikan pada peringkat global, serantau dan nasional [Contoh: spesies terancam yang tersenarai dalam <i>International Union For Conservation of Nature's (IUCN) Redlist</i> dan spesies endemik].	- Penandaan sempadan di lapangan - Papan tanda - Pelan kawasan - Laporan penilaian kawasan - Rekod
2	Kawasan landskap yang besar, pecahan ekosistem dan landskap hutan yang signifikan pada peringkat global, serantau dan nasional yang mempunyai kandungan populasi yang tinggi majoriti spesies yang wujud secara semula jadi (Contoh: kawasan hutan berlumut dan hutan rawa).	- Papan tanda - Pelan kawasan - Laporan penilaian kawasan - Rekod
3	Kawasan HSK yang berada di dalam atau mengandungi	- Penandaan sempadan di

KATEGORI HCV	PENERANGAN	PRESKRIPSI
	ekosistem yang Sangat Terancam, Terancam dan Jarang ditemui (Contoh: jenut dan suaka hidupan liar).	lapangan - Papan tanda - Pelan kawasan - Laporan penilaian kawasan - Rekod
4	Kawasan HSK yang menyediakan fungsi dan perkhidmatan ekosistem dalam keadaan kritikal	- Papan tanda - Pelan kawasan - Laporan penilaian kawasan - Rekod
5	Kawasan HSK yang penting dalam membekalkan keperluan asas komuniti tempatan (Contoh: sumber makanan dan air).	- Papan tanda - Pelan kawasan - Laporan penilaian kawasan - Rekod
6	Kawasan HSK yang bersifat kritikal kepada identiti budaya tradisi komuniti tempatan yang mempunyai kepentingan budaya, ekologi, ekonomi atau keagamaan yang dikenalpasti dengan kerjasama komuniti tempatan (Contoh: tanah perkuburan atau tempat suci dan kawasan pra sejarah).	- Papan tanda - Pelan kawasan - Laporan penilaian kawasan - Rekod

4.1.5.2 Penomboran

Nombor siri kawasan HCV ini diberi bermula dengan kod negeri, nombor turutan penubuhan di negeri masing-masing dan kategori kawasan HCV yang ditubuhkan. Contoh penomboran

J-01-HCV-A

Keterangan;

J : Kod Negeri

01 : Nombor turutan kawasan HCV

HCV-A: Kategori kawasan HCV

Kod penomboran kawasan HCV adalah seperti di **Lampiran III**.

4.1.5.3 Penandaan Sempadan

Penandaan sempadan kawasan HCV hendaklah disediakan seperti berikut:

- a. Setiap stesen sempadan hendaklah dipasang dengan tiang stesen sempadan. Contoh pemasangan tiang stesen sempadan adalah seperti di **Lampiran IV**;
- b. Spesifikasi mengenai tiang stesen sempadan adalah seperti di **Lampiran V**;
 - *Polyvinyl Chloride* (PVC) yang berdiameter sekurang-kurangnya 10 sentimeter (cm) dan 200 cm tinggi serta ditanam ke dalam tanah lebih kurang 50 cm dan ditanda dengan dua (2) gelangan cat kuning selebar sekurang-kurangnya 5 cm;
 - Nombor kawasan HCV ditulis pada tiang stesen sempadan (**Lampiran V**); dan
 - Tiang stesen ditanda dengan nombor stesen.

- c. Penandaan pokok sempadan yang berdiameter 10 cm pada paras dada (dbh) di sepanjang kelarian sempadan hendaklah ditanda dengan dua (2) gelangan cat kuning selebar sekurang-kurangnya 5 cm dan jarak di antara setiap pokok yang ditanda hendaklah tidak melebihi 10 m.

Sekiranya tiada pokok, hendaklah ditanda dengan PVC/ kayu berdiameter sekurang-kurangnya 5 cm x 150 cm tinggi dan ditanam dalam tanah lebih kurang 20 cm. Hujung PVC/ kayu ditanda dengan cat kuning selebar sekurang-kurangnya 5 cm.

- d. Sekiranya sempadan kawasan HCV adalah merupakan sempadan luar atau kompartmen HSK, sempadan tersebut hendaklah juga ditandakan seperti berikut:

- Tiga (3) gelangan cat merah bagi sempadan luar HSK; dan
- Dua (2) gelangan cat merah bagi sempadan kompartmen

- e. Pembersihan sempadan kawasan HCV dibuat dengan kelebaran satu (1) meter.

- f. Tumbuhan renek/ resam/ belukar yang berada di atas kelarian sempadan hendaklah dipotong seberapa rapat ke tanah dan dibersihkan daripada segala reba atau sisa potongan dan sebagainya.

- g. Sisa-sisa pembersihan atau ranting dan dahan hendaklah dilonggokkan di tepi sempadan sebelah luar kawasan HCV.

4.1.5.4 Penyediaan dan Pemasangan Papan Tanda

Papan tanda yang menunjukkan kawasan HCV perlulah diletakkan di tempat yang bersesuaian seperti

di laluan masuk utama ke kawasan HCV. Maklumat bagi papan tanda adalah seperti di **Lampiran VI**.

4.1.5.5 Penilaian Kawasan HCV

Penilaian kawasan HCV hendaklah dibuat sejurus kawasan HCV ditubuhkan. Bagi kategori kawasan HCV 1, maklumat penilaian adalah merangkumi bilangan spesies, lokasi spesies serta ukuran dbh sekiranya berkaitan seperti di **Lampiran VII**.

Bagi kategori kawasan HCV 2 hingga 6 boleh menggunakan format yang bersesuaian berdasarkan tujuan kawasan HCV ditubuhkan.

Bagi tujuan penilaian keberkesanan pengurusan kawasan HCV, penilaian ini hendaklah dibuat setiap lima (5) tahun sekali dengan format seperti di **Lampiran VIII**.

4.1.5.6 Penyediaan pelan

Pelan kawasan HCV berskala 1:50000 dan 1:5000 yang menunjukkan maklumat seperti lokasi, bentuk, keluasan dan lain-lain perkara yang berkaitan hendaklah disediakan.

4.1.5.7 Penyimpanan rekod

Maklumat kawasan HCV dalam bentuk *softcopy* dan *hardcopy* hendaklah disimpan, diselenggara dan dikemas kini di PHD, JPN dan JPSM.

4.1.5.8 Zon Penampakan Kawasan HCV

Zon penampakan perlu disediakan tidak kurang 20 meter dari luar sempadan kawasan dan perlu dikekalkan sepanjang masa.

Walau bagaimanapun, sekiranya sempadan luar kawasan HCV berkongsi dengan sempadan luar HSK, maka penyediaan zon penampungan adalah dikecualikan.

Sempadan zon penampungan ini tidak perlu ditanda di lapangan tetapi memadai dengan satu lakaran di atas pelan di setiap Pejabat Hutan Daerah (PHD) dan Pejabat Renjer Hutan (PRH).

4.2 Penyelenggaraan Kawasan HCV

Penyelenggaraan kawasan HCV perlu dilaksanakan mengikut keperluan atau sekurang-kurangnya dua (2) tahun sekali. Penyelenggaraan melibatkan aktiviti berikut:

- a. Penyelenggaraan sempadan kawasan HCV;
- b. Penyelenggaraan papan tanda dan tag tanda; dan
- c. Rekod penyelenggaraan.

4.3 Pemantauan Kawasan HCV

4.3.1 Pemantauan ke atas setiap kawasan HCV sekurang-kurang dua (2) kali setahun untuk memastikan pemeliharaan kawasan HCV terjaga, seperti berikut:

- a. Rondaan dan pemantauan; dan
- b. Pemeriksaan sempadan.

Laporan pemeriksaan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran IX**. Laporan ini hendaklah disimpan di PHD dan JPN.

4.4 Cadangan Pembatalan Kawasan HCV

4.4.1 Cadangan pembatalan kawasan HCV boleh dilaksanakan apabila berlakunya;

- a. Kehilangan sifat-sifat kawasan HCV;
- b. Kelimpahan taburan spesies berkaitan di peringkat nasional dan serantau;
- c. Kemusnahan kawasan disebabkan bencana alam; atau

- d. Pembangunan melibatkan kawasan HCV atas kepentingan awam; atau
- e. Perubahan status guna tanah.

4.4.2 Cadangan pembatalan ini hendaklah melibatkan proses seperti berikut:

- a. Penilaian kawasan HCV yang terlibat;
- b. Perundingan bersama pihak berkepentingan;
- c. Keputusan pembatalan oleh PPN;
- d. Pemakluman pembatalan oleh JPN; dan
- e. Rekod pembatalan disimpan di PHD, JPN dan JPSM.

5.0 REKOD PENGURUSAN KAWASAN HCV

Hasil-hasil dan penemuan-penemuan aktiviti-aktiviti pemantauan kawasan HCV hendaklah dikemas kini dalam pelaksanaan dan penyemakan semula Rancangan Pengurusan Hutan (RPH) berdasarkan keperluan yang dinyatakan dalam Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 9 Tahun 2024.

Selain itu, Ringkasan Maklumat Hutan Yang Mempunyai Nilai Pemeliharaan Tinggi (HCV) hendaklah disediakan seperti di **Lampiran X**.

6.0 KESIMPULAN

Pekeliling ini akan dapat membantu Jabatan:

- a. Untuk menyeragamkan kaedah penubuhan, penyelenggaraan, pemantauan dan cadangan pembatalan kawasan HCV dalam HSK di Semenanjung Malaysia; dan
- b. Untuk memenuhi keperluan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan di Semenanjung Malaysia.

7.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini diterima pakai dan berkuat kuasa mulai 1 April 2024 dan Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 8 Tahun 2015 adalah dibatalkan.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' INDERA MOHD RIDZA BIN AWANG)

Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

Tarikh: 25 Mac 2024

**FORMAT LAPORAN KESESUAIAN CADANGAN KAWASAN YANG MEMPUNYAI NILAI
PEMELIHARAAN TINGGI (HCV)**

1. Sumber maklumat:
(Rujuk Para 4.1.1)
2. Tarikh penilaian dibuat:
3. Hutan simpanan kekal:
4. Status hutan:
☐ Hutan dara
☐ Pernah diusahasil. Tahun usahasil: _____
5. Kompartmen:
6. Koordinat lokasi:
7. Keluasan (hektar):
8. Pengelasan hutan:
9. Komposisi hutan:
10. Ciri-ciri istimewa yang dijumpai:
11. Maklumat tambahan (Contoh: jarak dari jalan utama, jalan perhubungan dan lain-lain)
12. Ulasan
13. Gambar dan pelan kawasan

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

SENARAI PIHAK BERKEPENTINGAN YANG BERKAITAN


- i. Pihak Berkuasa Negeri
- ii. Pejabat Tanah dan Galian
- iii. Majlis Perbandaran/ Daerah
- iv. Jabatan Perancang Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
- v. Jabatan Alam Sekitar (JAS)
- vi. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)
- vii. *World Wildlife Fund* (WWF), *Malaysian Nature Society* (MNS) dan lain-lain badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan
- viii. Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)
- ix. Institut Pengajian Tinggi
- x. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

KOD PENOMBORAN KAWASAN HCV

Negeri	Kod Negeri
Johor	J
Kedah	K
Kelantan	D
Melaka	M
Negeri Sembilan	N
Pahang	C
Perak	A
Perlis	R
Pulau Pinang	P
Selangor	B
Terengganu	T
Wilayah Persekutuan	W

Kategori Kawasan HCV	Kod Kawasan HCV
1	HCV-A
2	HCV-B
3	HCV-C
4	HCV-D
5	HCV-E
6	HCV-F


**PEMASANGAN TIANG STESEN SEMPADAN DI KAWASAN YANG MEMPUNYAI
NILAI PEMELIHARAAN TINGGI (HCV)**




**TIANG STESEN SEMPADAN YANG PERLU DI PASANG IALAH =
T₁, T₂, T₃, T₄ JUMLAH = 4 TIANG**

**SPESIFIKASI TIANG STESEN SEMPADAN DI KAWASAN YANG MEMPUNYAI
NILAI PEMELIHARAAN TINGGI (HCV)**

Tiang Sempadan menggunakan PVC



CONTOH PAPAN TANDA KAWASAN HCV





Lampiran VII

FORMAT BORANG BANCIAN KAWASAN HCV JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Negeri :
Daerah Hutan :
Hutan Simpan :
Ciri-Ciri Istimewa :

Spesies :
Kompartmen :
Keluasan (ha) :

Bil. (1)	No. Tag Pokok (2)	Diameter pokok (cm) (3)	Ketinggian Boleh Niaga (<i>Merchantable</i> <i>height</i>) (m) (4)	Koordinat (5)	Ketinggian (a.p.l) (6)	Komposisi Hutan (7)	Jenis Tanah (8)	Catatan (9)

Pengesahan oleh;

Nama :
Jawatan :
Tandatangan :
Tarikh :

PANDUAN PEGISIAN BORANG

Ruangan	Maklumat Direkod	Keterangan
(1)	Bilangan	-
(2)	No. Tag Pokok	Rekodkan No. Tag Pokok
(3)	Diameter pokok (cm)	Rekodkan diameter pokok pada bancian terkini
(4)	Ketinggian Boleh Niaga (<i>Merchantable height</i>) (m)	Rekodkan ketinggian boleh niaga pokok
(5)	Koordinat	Rekodkan koordinat kedudukan pokok mengikut parameter Kertau RSO Malaya. Cth : X 123456 Y 789012
(6)	Ketinggian (a.p.l)	Rekodkan ketinggian lokasi mengikut ketinggian di atas aras paras laut.
(7)	Komposisi hutan	Rekodkan komposisi vegetasi dan keadaan persekitaran (Cth: belukar, akar pemanjat, bertam dll)
(8)	Jenis tanah	Rekod Jenis tanah i. Tanah berbatu besar (lebih 30 cm diameter) ii. Tanah berbatu sederhana (8 cm-30 cm diameter) iii. Tanah berbatu kecil (kurang dari 8cm diameter) iv. Tanah berpasir v. Tanah gembor pasir vi. Tanah gembor atau tanah peroi vii. Tanah liat viii. Tanah gambut

ix. Tanah laterit atau batu kawi (tanah batu merah)
(Sumber : *Manual Kerja Luar Sistem Pengurusan Memilih Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia*, 1997)

(9) Catatan Rekodkan penemuan-penemuan baharu (jika ada)/ kesan tapak kaki haiwan /peratus kehidupan

**FORMAT PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN BANCIAAN SPESIES KE ATAS
KAWASAN HUTAN YANG MEMPUNYAI NILAI PEMELIHARAAN TINGGI (HCV) DI
DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

1.0 Pelan lokasi

2.0 Latar belakang

2.1 Pengenalan HCV

2.2 Penubuhan Petak HCV

2.2.1 Tujuan Penubuhan Petak HCV

2.2.2 Maklumat Spesies Kajian

2.3 Dendrologi

- Sertakan gambar rajah kulit kayu, batang, daun dan pangkal pokok di lapangan
- Buah dan bunga (jika ada)
- Gambar anak pokok (jika ada)

3.0 Maklumat Bancian

3.1 Kaedah Bancian

3.2 Analisa Data

3.2.1 Bilangan anak benih (≤ 10 cm dbh sehingga ketinggian 1.5m)

3.2.2 Bilangan pokok

3.2.3 Kelas diameter (dbh)

Bil.	Kelas Diameter (dbh)	Bilangan pokok
1.	Anak pokok	
2.	≥ 10 -19.9 cm	
3.	≥ 20 -29.9 cm	
4.	≥ 30 -39.9 cm	
5.	≥ 40 -49.9 cm	
6.	≥ 50 -59.9 cm	
7.	≥ 60 cm	

3.2.4 Luas Pangkal (m²/ha)

Bil.	Kelas Diameter (dbh)	Luas Pangkal (m ² /ha)
1.	≥10-19.9 cm	
2.	≥20-29.9 cm	
3.	≥30-39.9 cm	
4.	≥40-49.9 cm	
5.	≥50-59.9 cm	
6.	≥60 cm	

3.2.5 Isipadu (m³/ha)

Bil.	Kelas Diameter (dbh)	Isipadu (m ³ /ha)
1.	≥10-19.9 cm	
2.	≥20-29.9 cm	
3.	≥30-39.9 cm	
4.	≥40-49.9 cm	
5.	≥50-59.9 cm	
6.	≥60 cm	

4.0 Keputusan

5.0 Rumusan

6.0 Cadangan

7.0 Lampiran

7.1 Borang Bancian

7.2 Gambar-gambar kerja sebelum, semasa dan selepas

7.3 Pelan

7.3.1 Pelan Topografi

7.3.2 Pelan Taburan Pokok

8.0 Rujukan

**LAPORAN PEMANTAUAN KE ATAS KAWASAN
HUTAN YANG MEMPUNYAI NILAI PEMELIHARAAN TINGGI (HCV)**

Tarikh pemantauan:.....
No. HCV:
Nama Hutan Simpanan Kekal (HSK):.....
Nombor kompartmen:
Daerah hutan:.....
Negeri:.....

1. Nama dan jawatan ketua pasukan
.....
2. Nama dan jawatan ahli-ahli pasukan
 - a)
 - b)
 - c)
 - d)
 - e)
3. Terangkan keadaan sempadan dan kebersihannya:
.....
.....
.....
4. Terdapat pencerobohan/kerosakan atau tidak? Jika ada terangkan dan tandakan di atas pelan. (Pencerobohan/kerosakan termasuklah oleh penerokaan haram, penebangan haram, ribut, kebakaran atau sebab-sebab lain).
.....
.....
.....
5. Nyatakan cara perhubungan semasa pemeriksaan (jika berbeza dari cara asal disebabkan kerosakan jalan atau sebagainya).
.....
.....
.....

6. Nyatakan pemerhatian-pemerhatian lain mengenai kawasan HCV tersebut, jika ada (Contoh: fenomena pembungaan, kelimpahan anak benih pokok dan kesan kehadiran hidupan liar).

.....
.....
.....

7. Tindakan-tindakan penambahbaikan yang telah/ akan dilaksanakan:

a) Di habitat asal (in-situ):

.....
.....

b) Di luar habitat asal (ex-situ):

.....
.....

8. Laporan bergambar (Sila lampirkan).

9. Ulasan dan syor ketua pasukan:

.....
.....
.....
.....

Tandatangan Ketua Pasukan:

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

ULASAN PEGAWAI HUTAN DAERAH/ PENOLONG PENGARAH PERHUTANAN NEGERI

.....
.....
.....

TANDATANGAN

NAMA:

JAWATAN:

TARIKH:

Lampiran X

RINGKASAN MAKLUMAT
HUTAN YANG MEMPUNYAI NILAI PEMELIHARAAN TINGGI (HCV)
BAGI JABATAN PERHUTANAN NEGERI.....

NO. HCV	HUTAN SIMPANAN KEKAL	KOMPARTMEN	KOORDINAT	KELUASAN (HA)	CIRI ISTIMEWA	TAHUN PENUBUHAN